

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JIF 318 – Mekanik Kuantum**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

1. (a) Carilah jarak gelombang suatu neutron yang bertenaga 0.08 eV.

(50 markah)

- (b) (i) Huraikan Prinsip Ketidakpastian.

(20 markah)

- (ii) Suatu zarah dengan jisim m adalah terhad dalam satu dimensi pada suatu garis dengan panjang L. Dengan berdasarkan Prinsip Ketidakpastian, kiralah tenaga minimum zarah tersebut.

Panduan:  $\Delta x \Delta p_x \geq h / 4\pi$  dan anggaplah  $\Delta x = L$ .

(30 markah)

2. (a) Andaikan suatu zarah yang terhad kepada paksi x mempunyai fungsi gelombang seperti berikut

$$\psi(x) = \begin{cases} ax & 0 \leq x \leq 1 \\ 0 & \text{untuk nilai } x \text{ yang lain} \end{cases}$$

Carilah kebarangkalian zarah tersebut boleh dijumpai di antara  $x = 0.45$  dan  $x = 0.55$ .

(30 markah)

- (b) Suatu zarah dengan jisim m berada dalam keadaan

$$\psi_{(x,t)} = A \exp[-a(mx^2 / \hbar + it)]$$

Di sini A dan a adalah pemalar nyata dan positif.

...3/-

(i) Tunjukkan bahawa

$$A = \left( \frac{2ma}{\pi\hbar} \right)^{1/4}$$

(40 markah)

(ii) Carilah fungsi tenaga keupayaan  $V(x)$  supaya  $\psi$  dapat memenuhi persamaan Schrödinger.

(30 markah)

Panduan:  $\int_0^\infty e^{-ax^2} dx = \frac{1}{2} \sqrt{\frac{\pi}{a}}$ .

3. Suatu zarah diperihalkan oleh fungsi gelombang satu dimensi

$$\psi(x) = \left( \frac{a}{\pi} \right)^{1/4} \exp\left(-\frac{ax^2}{2}\right), -\infty < x < \infty$$

(a) Carilah

(i)  $\langle x \rangle$

(ii)  $\langle x^2 \rangle$

(iii)  $\Delta x$

(iv)  $\langle p \rangle$

(v)  $\langle p^2 \rangle$

(vi)  $\Delta p$

(60 markah)

- (b) Huraikan keputusan nilai-nilai dalam 3(a)(iii) dan 3(a)(vi) dengan Prinsip Ketidakpastian.

Panduan:  $\int_{-\infty}^{\infty} e^{-ax^2} dx = \left(\frac{\pi}{a}\right)^{1/2}$

$$\int_{-\infty}^{\infty} x^2 e^{-ax^2} dx = \frac{1}{2a} \left(\frac{\pi}{a}\right)^{1/2}$$

(40 markah)

4. (a) Dapatkan hubungan komutasi berikut

(i)  $[L_x, L_y]$

(ii)  $[L_y^2, L_x]$

(iii)  $[L^2, L_x]$

(60 markah)

- (b) Buktikan  $e^{-\frac{x^2}{2}}$  adalah fungsi eigen bagi operator  $Q = \left(\frac{d^2}{dx^2}\right) - x^2$  dan dapatkan nilai eigen tersebut.

(40 markah)


5. (a) Sekiranya suatu zarah yang berjisim  $m$  bergerak dengan halaju  $v$  dalam suatu garis lurus mempunyai tenaga  $E = \frac{1}{2}mv^2$ , tunjukkan bahawa

$$\Delta E \Delta t \geq h/4\pi. \text{ Di sini } \Delta t = \frac{\Delta x}{v}.$$

(20 markah)

...5/-

- (b) Pertimbangkan suatu halangan potensial yang merupakan segiempat tepat yang terhingga seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1. Zarah yang terlibat berjisim  $m$  dan bertenaga  $E$ .



Rajah 1

$$V(x) = \begin{cases} V_0 & \text{untuk } -a < x < a \\ 0 & \text{untuk } |x| \geq a \end{cases}$$

Untuk  $E < V_0$  tunjukkan bahawa pekali penghantaran ialah

$$T = \left[ 1 + \frac{V_0^2}{4E(V_0 - E)} \sinh^2 \left( \frac{2a}{\hbar} \sqrt{2m(V_0 - E)} \right) \right]^{-1}$$

(60 markah)

Bincangkan keputusan anda.

(20 markah)

...6/-



Lampiran

Kelajuan cahaya	c	=	$2.998 \times 10^8 \text{ m/s}$
Cas elektron	e	=	$1.602 \times 10^{-19} \text{ C}$
Pemalar planck	h	=	$6.626 \times 10^{-34} \text{ Js}$
Pemalar Boltzmann	k	=	$1.381 \times 10^{-23} \text{ J/K}$ = $8.617 \times 10^{-5} \text{ eV/K}$
Nombor Avogadro	$N_A$	=	$6.023 \times 10^{23}/\text{mole}$
Jisim rehat elektron	$m_e$	=	$9.109 \times 10^{-31} \text{ kg} = 0.5110 \text{ MeV/c}^2$
Jisim rehat proton	$m_p$	=	$1.672 \times 10^{-27} \text{ kg} = 938.3 \text{ MeV/c}^2$
Jisim rehat neutron	$m_n$	=	$1.675 \times 10^{-27} \text{ kg} = 939.6 \text{ MeV/c}^2$
Unit jisim atom ( $\text{C}^{12} \equiv 12$ )	u	=	$1.661 \times 10^{-27} \text{ kg} = 931.5 \text{ MeV/c}^2$
1 eV		=	$1.602 \times 10^{-19} \text{ J}$
1 Å		=	$10^{-10} \text{ m}$
1 fm		=	$10^{-15} \text{ m}$

- 0000000 -

...7/-

